

**YAYASAN ISLAM KELANTAN
KELANTAN ISLAMIC FOUNDATION**

Peti Surat 248, 15730 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.
Tel : 09-712 6315, 09-712 6933 & 712 8144
09-712 6040 (Lembaga Peperiksaan) Fax : 09-712 7806
email: yik@kelantan.gov.my www.yik.kelantan.gov.my



المؤسسة الإسلامية بـكـلـنـتـا

نہلم فوري، ص.ب. : ۲۴۸، ۱۵۷۳۰، كوتہہارو، كلنتن، ماليزيا.
تليفون: ۰۹-۷۱۲۶۳۱۵ (المكتب) ۰۹-۷۱۲۸۱۴۴
۰۹-۷۱۲۶۰۴۰ (هيئة الامتحانات)
فاكس: ۰۹-۷۱۲۷۸۰۶

No. Fail :YIK/100/1/1-3 Jld.4 (11)
Bertarikh :24 RabiulAkhir 1437H
Bersamaan :03 Feb 2016M

**Pengetua
Maahad Kerajaan
Maahad Tahfiz
Syeikh Pusat Pengajian Pondok
Kolej Tahfiz Sains Nurul Aman
SMU(A) Kerajaan/SABK
Guru Besar Tadika Tengku Anis**

Tuan,

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2015 – PELAKSANAAN
PEMBERIAN CUTI REHAT KHAS (CRK)**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat YIK/100/1/1-3 Jld. 4(004) bertarikh 06 Mei 2015.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pekeling ini telah pun diedarkan untuk makluman dan tindakan tuan sebelum ini. Sehubungan dengan itu, Yayasan Islam Kelantan ingin menarik perhatian tuan sekali lagi agar pelaksanaan pemberian cuti kepada guru-guru dapat dilaksanakan seperti yang termaktub dalam pekeling tersebut.

Sekian, terima kasih.

“ SYARIAT ALLAH MEMBIMBING RAJA DAN RAKYAT SEPANJANG ZAMAN ”

“ MEMBANGUN BERSAMA ISLAM ”

“ AKHLAK MEMBINA KESEJAHTERAAN UMMAH ”

Yang menurut perintah,

(HAJAH WAN KHAZIMI BINTI WAN ISMAIL)
b/p: Pengarah
Yayasan Islam Kelantan



YAYASAN ISLAM KELANTAN
Peti Surat 248, 15730 Kota Bharu, Kelantan

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2015

PELAKSANAAN PEMBERIAN CUTI REHAT KHAS (CRK)

1. TUJUAN

Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menyelaraskan pelaksanaan pemberian Cuti Rehat Khas (CRK) yang dinikmati oleh Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berkhidmat di bawah Yayasan Islam Kelantan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Lembaga Yayasan Islam Kelantan Bilangan 1/2005 yang bersidang pada 10 April 2005 telah menerima pakai pekeling Cuti Rehat Khas (CRK) untuk guru-guru tetap.
- 2.2 Mesyuarat Pengurusan YIK bilangan 6/2015 pada 16 April 2015 telah bersetuju supaya kaedah pengambilan Cuti Rehat Khas (CRK) dilaksanakan kepada semua guru tetap yang berkhidmat di bawah Yayasan Islam Kelantan.
- 2.2 Melalui Kaedah Pengambilan Cuti Rehat Khas (CRK) ini diharap guru-guru dapat merancang dan mengambil cuti dengan lebih teratur supaya tidak menjejaskan keberkesanan proses Pengajaran Dan Pembelajaran di sekolah.
- 2.3 Semua guru hendaklah mematuhi peraturan ini bagi mengelakkan sebarang kesulitan yang boleh menjejaskan tempoh perkhidmatan dan sebagainya.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Cuti Rehat Khas (CRK) yang diperuntukkan adalah 7 hari setahun berdasarkan tempoh perkhidmatan yang melayakkan.

$$\text{Formula pengiraan kelayakan CRK : } \frac{1}{12} \times 7 = 0.56 \text{ hari sebulan}$$

- 3.2 Mengikut prinsipnya permohonan CRK boleh diluluskan 1 hari setiap 2 bulan. Walau bagaimanapun, dalam kes kecemasan Pengetua/ Guru Besar boleh menyokong permohonan CRK yang melebihi kelayakan untuk mendapatkan kelulusan Pengarah.
- 3.3 Sekiranya kelayakan cuti sebagaimana di para 3.2 telah di gunakan, maka Pegawai Perkhidmatan Pendidikan perlu memohon Cuti Tanpa Gaji (CTG). Permohonan Cuti Tanpa Gaji hendaklah dikemukakan dalam tempoh 1 bulan untuk diluluskan oleh Pengarah Yayasan Islam Kelantan.

- 3.4 Dalam tempoh Cuti Tanpa Gaji, Cuti Separuh Gaji, Cuti Belajar, Cuti Haji, Cuti Tibi, Kusta Dan Barah dan Cuti Sakit berlebihan adalah cuti yang tidak melayakkan untuk mendapat CRK. Apabila cuti-cuti yang tidak melayakkan untuk mendapat CRK diambil maka tempoh cuti tersebut akan ditolak dari kelayakan CRK.

Contoh Kelayakan cuti CRK :-

- a) Cuti Haji selama 40 hari pada tahun 2015

$$\frac{40}{360} \times 7 = 0.77 \text{ hari}$$

Maka : 7 hari - 1 hari = 6 hari (Kelayakan pada 2015)

- b) Cuti Tanpa Gaji selama 120 hari pada tahun 2015

$$\frac{120}{360} \times 7 = 2.33 \text{ hari}$$

Maka : 7 hari - 2 hari = 5 hari (Kelayakan pada 2015)

- 3.5 Cuti Rehat Khas ini adalah untuk kegunaan dalam tahun semasa dan sekiranya tidak dapat dihabiskan tidak boleh dibawa ke tahun hadapan, ianya hanya boleh dikumpul bagi tujuan Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat. Pengumpulan CRK bagi Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat hanya terpakai kepada guru lantikan tetap sahaja.
- 3.6 Sepanjang perkhidmatan seseorang pegawai, pengumpulan Cuti Rehat Khas bagi tujuan Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat hendaklah tidak melebihi 150 hari.

4. TARIKH KUATKUASA


Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 01 Mei 2015

“ SYARIAT DIPATUHI, RAJA DIHORMATI, RAKYAT DILINDUNGI ”

‘ MEMBANGUN BERSAMA ISLAM ’

‘ KELANTAN MEMACU KECEMERLANGAN PENDIDIKAN ISLAM ’

Yang menurut perintah,



(TENGGU AB RAHMAN BIN TUAN YUNUS)

Pengarah,

Yayasan Islam Kelantan